



30 Disember 2016
30 December 2016
P.U. (A) 380

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PELABURAN DALAM INSTITUSI PENGURUSAN DANA) 2016

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (INVESTMENT IN FUND MANAGEMENT INSTITUTION) RULES 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PELABURAN DALAM
INSTITUSI PENGURUSAN DANA) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pelaburan dalam Institusi Pengurusan Dana) 2016**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akaun I” ertinya akaun yang disenggarakan oleh Lembaga mengikut Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2001 [*P.U. (A) 409/2001*];

“akaun pelaburan” ertinya akaun ahli Kumpulan Wang dengan institusi pengurusan dana;

“institusi pengurusan dana” ertinya institusi pengurusan dana atau institusi lain yang diluluskan, yang dilantik oleh Menteri bagi maksud pelaburan di bawah Bahagian IIIA Akta;

“simpanan asas” ertinya suatu jumlah simpanan dalam Akaun I yang ditentukan oleh Lembaga mengikut umur seseorang ahli Kumpulan Wang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Permohonan bagi pelaburan di bawah Bahagian IIIA Akta

3. (1) Tiada jumlah wang yang ada pada kredit seseorang ahli Kumpulan Wang boleh dipindahkan kepada mana-mana institusi pengurusan dana kecuali dengan kebenaran Lembaga.

(2) Seseorang ahli Kumpulan Wang yang berniat untuk membuat pelaburan di bawah Bahagian IIIA Akta hendaklah membuat permohonan kepada Lembaga mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Lembaga boleh membenarkan permohonan di bawah subkaedah (2) jika—

- (a) amaun yang ada pada kredit ahli Kumpulan Wang dalam Akaun I melebihi amaun simpanan asas sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;
- (b) ahli Kumpulan Wang itu belum mencapai umur lima puluh lima tahun; dan
- (c) ahli Kumpulan Wang itu telah membuka akaun pelaburan dengan institusi pengurusan dana.

Pemindahan amaun pelaburan

4. (1) Jika Lembaga membenarkan suatu permohonan seseorang ahli Kumpulan Wang untuk melabur di bawah Bahagian IIIA Akta, Lembaga hendaklah, tertakluk kepada subkaedah (2), memindahkan amaun yang ada pada kredit ahli Kumpulan Wang itu ke dalam akaun pelaburan ahli Kumpulan Wang itu mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Amaun yang boleh dipindahkan di bawah subkaedah (1) tidak boleh melebihi tiga puluh peratus daripada amaun yang melebihi simpanan asas sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual tertakluk kepada amaun pelaburan minimum sebanyak satu ribu ringgit.

(3) Lembaga tidak boleh membuat apa-apa pemindahan amaun yang disebut dalam subkaedah (1) jika Lembaga menerima notis mengenai kematian ahli Kumpulan Wang itu sebelum apa-apa pemindahan dibuat.

Lembaga boleh membenarkan pelaburan seterusnya

5. (1) Lembaga boleh membenarkan permohonan ahli Kumpulan Wang yang telah membuat pelaburan dengan institusi pengurusan dana untuk membuat pelaburan seterusnya pada lat tempoh sembilan puluh hari dari tarikh pemindahan pelaburan terdahulu yang dibuat dengan syarat amaun yang boleh dipindahkan tidak boleh melebihi tiga puluh peratus daripada baki yang melebihi simpanan asas sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dengan amaun pelaburan minimum sebanyak satu ribu ringgit.

(2) Apa-apa pemindahan amaun oleh Lembaga bagi pelaburan seterusnya di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat ke dalam mana-mana akaun pelaburan.

Lembaga tidak bertanggungjawab atas kerugian pelaburan

6. Lembaga tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian daripada pelaburan yang dibuat oleh seseorang ahli Kumpulan Wang di bawah Bahagian IIIA Akta.

Pembatalan tidak dibenarkan

7. Mana-mana ahli Kumpulan Wang yang telah membuat permohonan untuk melabur di bawah Bahagian IIIA Akta tidak dibenarkan untuk membatalkan permohonannya.

Penutupan akaun pelaburan atau pencairan pelaburan

8. (1) Mana-mana ahli Kumpulan Wang boleh—

(a) menutup akaun pelaburannya dan mengarahkan institusi pengurusan dana memindahkan kesemua amaun yang berada dalam akaun pelaburan itu kepada Kumpulan Wang; atau

(b) mengarahkan institusi pengurusan dana untuk mencairkan kesemua atau sebahagian daripada pelaburannya dan memindahkan kepada Kumpulan Wang kesemua atau sebahagian daripada pelaburan yang dcairkan itu.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), mana-mana ahli Kumpulan Wang boleh pada bila-bila masa, tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, membuat permohonan seterusnya untuk melabur di bawah Bahagian IIIA Akta.

(3) Apa-apa amaun yang dipindahkan semula kepada Kumpulan Wang di bawah subkaedah (1) hendaklah dikreditkan ke dalam Akaun I ahli Kumpulan Wang.

Penamatan pelantikan institusi pengurusan dana

9. Jika pelantikan suatu institusi pengurusan dana ditamatkan, institusi pengurusan dana itu hendaklah mencairkan kesemua pelaburan ahli Kumpulan Wang dan memindahkan ke dalam Kumpulan Wang semua amaun yang ada dalam akaun pelaburan ahli Kumpulan Wang itu termasuklah semua dividen ke atas pelaburan itu mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.

JADUAL [Kaedah 3, 4 & 5]

Jumlah Simpanan Asas dalam Akaun I

Umur Ahli Kumpulan Wang (Tahun)	Jumlah Simpanan Asas (RM)
18	1,000
19	3,000